

Pemeriksaan Wanita Melalui Pendidikan di Pakistan: Suatu Kajian Terhadap Perjuangan Malala Yousafzai

*Empowerment of Women through Education in Pakistan:
A Study of Malala Yousafzai's Fight*

Hanana Bamadhaj Omar
¹Mahfudzah binti Mustafa

Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan,
Universiti Kebangsaan Malaysia

¹Correspondence: fudzah@ukm.edu.my

ABSTRAK

Isu gender merupakan suatu isu yang kini tidak lagi dipandang sebelah mata oleh masyarakat dunia, termasuklah aktor negara mahupun aktor bukan negara. Isu wanita sebagai "jantina yang kedua" bukanlah merupakan sesuatu isu yang direka-reka, namun isu ini merupakan sebuah realiti. Kesaksamaan gender merupakan satu daripada 17 matlamat yang diutarakan oleh United Nations Development Program (UNDP) di dalam Sustainable Development Goals (SDG) yang bertujuaan untuk mencapai kesaksamaan dan pemeraksanaan. Kertas kerja ini memberikan perhatian kepada Pakistan atas sebab kedudukan Pakistan yang merisaukan di Global Gender Gap Index, dengan berada di kedudukan 148 dari 149 pada 2018. Kertas kerja ini bertujuan untuk membuktikan bagaimana diskriminasi di Pakistan itu benar wujud terutama sekali di bawah pimpinan Taliban Pakistan. Skop kajian difokuskan kepada perjuangan Malala Yousafzai dalam memperkasakan wanita melalui pendidikan oleh kerana hak berpendidikan merupakan satu masalah yang paling menonjol di kalangan wanita di Pakistan. Kertas ini akan menganalisis sejauh mana perjuangan Malala dalam memperjuangkan hak wanita untuk mendapat pendidikan di Pakistan. Kajian ini ingin membantu meningkatkan kesedaran manusia sejagat tentang kepentingan kesamarataan jantina terutamanya dalam pendidikan.

Kata kunci: *Pemeriksaan Wanita, Hak Berpendidikan, Malala Yousafzai, Taliban, Kesamarataan Gender*

ABSTRACT

Gender issue is an issue that is no longer being taken lightly by the world community, and this includes state actors and non-state actors. The issue of woman as "the second gender" is not a fabricated issue but instead it is a reality. Gender equality is one of the 17 goals proposed by the United Nations Development Program (UNDP) within the Sustainable Development Goals (SDG) aiming to achieve equality and empowerment. This paper has paid attention to Pakistan due to the worrying Pakistan situation in the Global Gender Gap Index, which ranks 148 out of 149 in 2018. This paper aims to prove how discrimination in Pakistan exists, especially under Pakistani Taliban leadership. The scope of this study is focused on the struggles of Malala Yousafzai in empowering women through education because education rights are one of the most prominent issues among women in Pakistan. This paper will analyse the extent of Malala's fight in promoting women's right to education

in Pakistan. This study aims to help raise the awareness of humanity on the importance of gender equality especially in education.

Keywords: Women Empowerment, Education Rights, Malala Yousafzai, Taliban, Gender Equality

1. Pengenalan

Pemeriksaan dan autonomi wanita serta penambahbaikan status politik, sosial, ekonomi dan kesihatan mereka adalah isu yang amat penting. Ianya juga adalah penting buat pencapaian pembangunan mampan (*sustainable development*). Di pelosok dunia, wanita menghadapi ancaman terhadap kehidupan dan kesihatan mereka akibat daripada beban kerja serta kekurangan kuasa dan pengaruh mereka. Di kebanyakan wilayah di dunia, wanita menerima kurang pendidikan formal berbanding daripada lelaki dan pada masa yang sama, pengetahuan, kebolehan dan mekanisme sendiri wanita sering kali tidak diiktiraf (UNFPA, 1994). Ianya sebenarnya merupakan sesuatu yang amat mencabar untuk mengukur pemerksaan wanita kerana istilah itu sendiri sering ditakrifkan dengan kurang jelas. Konsep asas yang mendefinisikan pemerksaan wanita berkait dengan pilihan, kawalan dan kuasa. Secara umumnya, pemberdayaan wanita dikonseptualisasikan sebagai fungsi akses dan kawalan wanita ke atas sumber yang memanjangkan keupayaan mereka untuk membuat sesuatu keputusan berkenaan isu-isu seperti keputusan isi rumah, pekerjaan, pendapatan, seksualiti dan kebebasan untuk bergerak. Bagi kebanyakan wanita di Asia Selatan, selain mendapat akses kepada sumber, memperoleh kawalan ke atas sumber juga merupakan sesuatu aspek yang amat penting (Kavita et. al., 2006).

Pendidikan pula merupakan satu cara yang paling kritikal dalam memperkasakan wanita dengan pengetahuan, kemahiran dan keyakinan diri yang diperlukan untuk mengambil bahagian sepenuhnya dalam proses pembangunan (UNFPA, 1994). Menurut fakta dan angka yang terbaru yang disediakan oleh *United Nations Development Programme* (UNDP), 103 million belia di seluruh dunia kekurangan kemahiran asas literasi dan lebih daripada 60 peratus adalah daripada golongan wanita. Namun begitu, perubahan dilihat di mana pada tahun 1990, di Asia Selatan hanya 74 kanak-kanak perempuan yang didaftarkan di sekolah rendah untuk setiap 100 kanak-kanak lelaki. Namun menjelang tahun 2012, nisbah kemasukan ke sekolah rendah bagi kanak perempuan dan lelaki adalah sama (UNDP). Pakistan pula merupakan sebuah negara yang boleh dikatakan agak muda yang dibentuk pada tahun 1947, hasil daripada perpecahan India. Pergerakan untuk membentuk tanah air Islam yang berasingan merupakan idea yang dikemukakan pada tahun 1930-an oleh Allama Iqbal yang merupakan seorang ahli falsafah. Pergerakan ini kini diketuai oleh peguam Muhammad Ali Jinnah, yang bekerjasama bersama Mahatma Ghandi memperoleh kebebasan daripada pemerintahan British dan beliau merupakan individu yang menekankan kepentingan isu tanah air berasingan bagi kaum muslim yang kini dikenali sebagai Pakistan (Karin & Zaffar, 1991). Pada asalnya, Pakistan terdiri daripada dua sayap- Barat dan Timur. Pakistan Timur terdiri daripada Bengal Timur dan Pakistan Barat merangkumi wilayah Sindh, Punjab, Baluchistan dan wilayah *North West Frontier*. Namun pada 1971, Pakistan Timur memberontak dan mendapat kebebasan dan kini dikenali sebagai Bangladesh.

Secara sejarahnya, peranan asas wanita Islam terutamanya, di India sebelum India berpecah adalah untuk menjadi ibu dan suri rumah. Perempuan yang beragama Islam tidak digalakkan untuk mendapat pendidikan kerana pendidikan formal disyaki memberat dan cenderung kepada aliran barat dan berbau kolonial. Namun, dengan usaha Sayyed Ahmad Khan dan pemimpin reformis yang lain, pada hujung abad ke-19, bilangan wanita yang di hantar ke sekolah untuk mendapat pendidikan meningkat, terutamanya wanita yang datang

daripada golongan aristokrat. Wanita-wanita ini kini menjadi pemimpin pergerakan Pakistan dan menjadi perhatian awam ketika mereka menjalankan aktiviti sosial dan kebajikan (Nasra, 1986). Pada ketika itu, di kawasan luar bandar, peratusan kanak-kanak perempuan yang dihantar ke sekolah adalah di bawah 10 peratus dan di kawasan kesukuan (*tribal areas*) peratusannya adalah di bawah 5 peratus. Pada tahap sekolah menengah pula, bilangan perempuan jatuh menjunam kerana ramai ibu bapa berfikir bahawa ianya adalah lebih senang untuk mencari pasangan buat anak perempuan mereka sekiranya mereka memaparkan kesederhanaan melalui pemakaian burqah daripada menghantar mereka ke sekolah yang hanya akan membuka minda mereka dan ianya akan hanya mendatangkan masalah (Karin & Zaffar, 1991). Kedudukan sosial wanita di Pakistan pada sesuatu ketika yang tidak lama dahulu berada di tahap yang tidak boleh diterima. Sebagai contoh, di ruang awam, wanita yang mengamalkan pemakaian purdah harus membeli tiket untuk tiga kerusi bas bagi perjalanan panjang agar tidak ada lelaki duduk bersebelahan dengan mereka (Karin & Zaffar, 1991). Hubungan di antara suami dan isteri di ruang awam turut menjadi isu dan harus bersifat formal. Bagi golongan kelas menengah yang lebih rendah, suami akan sentiasa jalan di depan bersama anak lelaki manakala isteri mengikuti mereka dari belakang bersama anak perempuan (Karin & Zaffar, 1991). Dari sini kita dapat memerhati bahawa sejak kecil lagi, kanak-kanak perempuan di Pakistan ditunjuk dan diajar bahawa mereka merupakan golongan yang lebih *inferior* berbanding daripada kaum lelaki.

2. Sorotan Literatur

Sorotan literatur kajian ini difokuskan kepada pergerakan wanita dan ianya dibahagikan kepada tiga tema iaitu pertama pergerakan wanita secara umum, kedua pergerakan wanita di Asia Selatan dan yang ketiga pergerakan wanita di Pakistan. Terdapat 10 sorotan literatur yang disediakan namun di dalam kertas ini hanya tiga, satu sorotan bagi setiap tema yang paling dekat dengan kajian ini akan dilampirkan.

2.1 Pergerakan Wanita Secara Umum

Ditulis di dalam artikel Burkett (1998) *Women's Movement Political and Social Movement*, pergerakan wanita merupakan sebuah pergerakan yang bersifat pelbagai. Gelombang pertama feminisme bermula pada abad ke-19 dan awal abad ke-20. Ianya berfokuskan kepada hak undang-undang wanita seperti hak untuk mengundi dan gelombang kedua yang dikenali sebagai *women's movement* mencapai puncaknya sewaktu 1960 dan 1970. Gelombang kedua ini mengambil kira pelbagai aspek seperti keluarga, seksualiti, pekerjaan dan bermacam-macam lagi. Buku-buku yang ditulis pada ketika itu turut memainkan peranan dalam menyemarakkan semangat wanita. Antaranya ialah *Le Deuxième Sexe* atau dalam terjemahan Bahasa Inggeris *The Second Sex* yang ditulis oleh Simone de Beauvoir telah menjadi pemangkin terhadap kesedaran feminisme dengan menekankan bahawa pembebasan buat wanita adalah pembebasan buat lelaki juga. Selain itu, buku *The Feminine Mystique* oleh Betty Friedan telah membawa wanita untuk menyertai pemimpin kerajaan dan wakil kesatuan yang melobi kerajaan persekutuan untuk gaji yang sama (*equal pay*) dan perlindungan terhadap diskriminasi pekerjaan.

Namun, semakin lama, mereka mula sedar permintaan politik sahaja tidak memadai. Di sini, tertubuhnya *National Organization for Women* (NOW) yang berjuang untuk banyak perkara, antaranya ialah hak cuti bersalin, pusat penjagaan kanak-kanak yang membolehkan ibu bekerja, potongan cukai untuk perbelanjaan anak, pendidikan yang tidak disegregasi dan macam-macam lagi. Namun, terdapat tuntutan mereka yang mengadukan kontroversi seperti liberalisasi terhadap pengguguran dan menuntut laluan segera untuk *Equal Rights*

Amendment (ERA) ke dalam perlembagaan Amerika Syarikat dan ini menyebabkan banyak pihak menarik diri daripada menyokong mereka seperti *United Auto Workers Union*. Pergerakan wanita yang lebih radikal turut muncul ketika ini seperti *Redstockings* yang menekankan tentang pengguguran, masalah perkosa dan keganasan terhadap wanita. Artikel ini turut mengupas tentang kejayaan dan kegagalan pergerakan wanita. ERA diluluskan oleh Kongres pada 1972 namun golongan anti-feminis seperti Phyllis Schlafly menganjurkan kempen terhadap pindaan tersebut untuk memberi amaran serta mengugut pergerakan ini dengan mengatakan mereka akan membatalkan undang-undang sodomi, mengharamkan tandas seks tunggal di tempat awam dan menghalalkan kahwin sesama jantina.

2.2 *Pergerakan Wanita di Asia Selatan*

Penulisan Hafizullah (1991) *State Modernization and the Women's Movement in Afghanistan* merungkai mengenai institusi pendidikan yang pada asalnya berada di bawah pengaruh ulama dan tidak wujud satu sekolah di Afghanistan yang memberi pendidikan kepada golongan wanita. Namun, pada tahun 1919, selepas kemerdekaan Afghanistan, Raja Amanullah cuba untuk memodenkan Afghanistan dan membebaskan wanita daripada ditindas secara sosial dan budaya. Perjuangan wanita terhadap ketidakadilan sosial dan ketidaksetaraan telah bermula sejak 1950-an. Pada ketika itu, terdapat dua kumpulan politik dalam lingkungan pergerakan wanita iaitu, feminisme dan sosialis. Pergerakan feminis memperjuangkan perkara-perkara seperti kesamarataan jantina dan penghapusan diskriminasi jantina di dalam pekerjaan. Manakala, sosialis mencadangkan transformasi revolusi asas bahan (*material bases*) yang menjadi punca kepada penindasan terhadap wanita. Pada tahun 1964, *Afghan Women's Volunteer Institute* telah ditubuhkan untuk mempromosikan program kebajikan kepada wanita.

2.3 *Pergerakan Wanita di Pakistan*

Menurut Nasra (1986) di dalam tulisannya *Pakistani Women: A Socioeconomic & Demographic Profile* menyatakan dari segi sejarah, India (sebelum berpisah dengan Pakistan) wanita tidak digalakkan untuk mendapat pendidikan. Namun, di penghujung abad ke-19, wanita terutamanya yang datang daripada keluarga aristokrat dihantar ke sekolah untuk mendapat pendidikan dan wanita-wanita ini merupakan golongan yang menghidupkan pergerakan wanita yang nanti membawa kepada pertubuhan *All India Muslim Women's Subcommittee* pada Disember 1938. Selepas peubuhan Pakistan, krisis telah berubah dan organisasi wanita memainkan peranan penting dalam menghulurkan bantuan kepada golongan pelarian daripada India yang terdiri daripada hampir 6.5 milion orang. Setelah krisis penempatan semula pelarian telah diselesaikan, ramai wanita telah mengambil bahagian secara aktif di dalam pergerakan wanita yang ditubuhkan pada tahun 1949 oleh Begum-Liquat Ali Khan dan dikenali sebagai *All Pakistan Women's Association* (APWA). APWA pada ketika itu merupakan organisasi sukarela wanita yang terbesar di Pakistan.

Berdasarkan kepada semua sorotan literatur yang dimasukkan, dapat disimpulkan bahawa wujud wujud kajian tentang pergerakan wanita namun garis masanya terbatas kepada abad ke-19 hingga awal tahun 2000-an. Walaupun wujud, karya *I am Malala* yang ditulis Malala Yousafzai dan Christina Lamb yang diterbitkan pada tahun 2013 namun, ianya lebih berberat kepada *memoir* dan ianya merupakan naratif dari persektif dan pandangan Malala sendiri. Justeru, kajian ini bertujuan mengisi kelompongan pengkaji yang terdahulu serta melihat faktor dalaman dan luaran yang mempengaruhi perjuangan Malala dan menganalisis sejauh manakah perjuangan Malala Yousafzai sekaligus memberi kesinambungan kepada garis masa kajian terdahulu.

3. Metodologi Kajian

Kajian ini secara keseluruhannya akan menggunakan kaedah kualitatif yang meliputi kajian perpustakaan. Sumber sekunder digunakan untuk mendapat informasi serta maklumat bagi sorotan kajian lepas dan kerangka konseptual. Sumber sekunder diperolehi daripada buku-buku akademik, buku biografi untuk tujuan mengenal dan memahami subjek kajian dengan lebih mendalam, jurnal, artikel, laman sesawang, akhbar *online* dan beberapa bahan yang lain. Bahan-bahan diperolehi daripada Perpustakaan Tun Seri Lanang (PTSL), Perpustakaan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Perpustakaan Universiti Malaya (UM), JSTOR iaitu laman web jurnal *online* dan kedai buku tempatan seperti MPH *Bookstore* dan Kinokuniya *bookstore*. Sumber sekunder lain pula dicapai melalui laman sesawang luar negara seperti BBC News, Reuters untuk mendapatkan informasi terkini dan B-OK yang merupakan laman web buku dan artikel *online*.

4. Kerangka Konseptual

4.1 Teori Feminisme

Feminisme menggabungkan keduanya iaitu doktrin hak sama rata bagi wanita dan ideologi transformasi sosial yang bermatlamat untuk mewujudkan sebuah dunia bagi wanita di luar ekuiti sosial. Gerda Lerner berhujah bahawa teori feminisme seharusnya dapat membezakan antara hak-hak wanita dan pembebasan wanita (Humm, 1989). Menurut (Ivy), feminisme adalah *an awareness of women's oppression and exploitation at work, within the family and society, and conscious action by women and men to change this situation and uplift the life of women*. Feminisme turut didefinisikan sebagai kepercayaan dalam persamaan sosial, ekonomi dan politik di antara kedua-dua jantina (Brunell & Burkett, 2018).

Feminisme yang terorganisasi tidak benar-benar bermula sehingga Persidangan Wanita yang pertama diadakan di *Seneca Falls*, Amerika pada tahun 1848. Pergerakan Wanita berkembang daripada kumpulan-kumpulan reformasi sosial seperti *Abolition of Slavery*, *the Social Purity* dan pergerakan *Temperance*. Wanita mula sedar sekiranya mereka mahu mengubah masyarakat, mereka memerlukan sebuah organisasi tersendiri. Wanita kini berkempen atas pelbagai isu; daripada penjagaan bayi, hak harta, penceraian, akses kepada pendidikan sehinggalah kepada kesamarataan gaji dan undang-undang perlindungan bagi pekerja wanita yang dimana banyak isu-isu ini masih dikempen oleh golongan wanita hingga ke hari ini. Bagi kebanyakan wanita, "*feminist politicization*" yang pertama wujud melalui penuntutan hak kepada pengguguran iaitu hak untuk memberi kawalan penuh kepada wanita ke atas keadaan fizikal mereka sendiri. Sewaktu undang-undang anti-wanita didedahkan, ramai feminis telah menyediakan diri untuk bekerja di dalam arena pergerakan politik (Kytha, 1980).

Teori ini boleh dibahagikan kepada beberapa pendekatan dan antaranya adalah feminisme *Marxist*, liberal dan anarki. Pertama, feminisme *Marxist* adalah berdasarkan ideologi Marxisme yang dibawa oleh Karl Marx. Beberapa teori Marx mempunyai kesan besar terhadap kontemporari feminisme. Antara kepentingan tertentu dalam ideanya yang dikemukakan di dalam *German Ideology* dan *Capital* adalah di mana pembahagian buruh dalam keluarga telah mencipta bentuk pemilikan yang pertama antara satu manusia dengan manusia yang lain. Marx memahami bahawasannya penghambaan seseorang isteri dan anak-anak oleh suaminya merupakan bentuk pertama harta peribadi (*private property*) (Humm, 1989). Pendekatan ini percaya bahawa kapitalisme dan penyusutan nilai kerja domestik dan

penjagaan anak adalah faktor yang menahan wanita daripada mendapat kebebasan dan jalan penyelesaian yang difikirkan oleh mereka adalah untuk menggulingkan kapitalisme, membubarkan peranan keluarga sebagai kesatuan ekonomi dan mengimbangi kerja rumah tangga.

Kedua, feminisme liberal yang merupakan teori kebebasan individu buat wanita (Humm, 1989).

“Wollstonecraft describes women as rational agents whose “inferiority” is due primarily to inferior education. Wollstonecraft argues that this can be redressed by quality of opportunity for women. Contemporary liberal feminism shares Wollstonecraft’s optimism that the roots of women’s oppression lie simply in our lack of equal civil rights and educational opportunities. Contemporary liberal feminists espouse women’s rights in terms of welfare needs, universal education and health services”

(Humm, 1989)

Feminisme Liberal percaya bahawa gender merupakan punca utama perpecahbelahan masyarakat. Bagi mereka, gender merupakan sesuatu isu pembinaan sosial (*social construct*). Sebagai contoh, peranan suri rumah- perkara sebegini boleh diubah demi mewujudkan sebuah masyarakat yang sama rata. Pendekatan ini juga percaya bahawa penindasan wanita berakar daripada diskriminasi undang-undang dan institusi yang menafikan kewibawaan dan kebebasan wanita. Justeru, feminisme liberal lebih tertumpu kepada penyelesaian yang lebih logik dan sah seperti melalui perubahan undang-undang dan institusi. Sebagai contoh, *Equal Pay Act*.

Ketiga, feminisme anarki yang mempercayai bahawa hierarki sesebuah negara membawa kepada patriarki dan akan membawa kepada penindasan. Matlamat utama mereka adalah untuk mengakhiri dominasi, hierarki, kapitalisme, peranan gender, keganasan interpersonal dan pengaruh struktur organisasi (Tanenbaum, 2016). Para aktivis feminis Anarki berhujah bahawa negara dan patriarki adalah *twin aberrations*. Menurut mereka *to destroy the state is to destroy the major agent of institutionalized patriarchy; to abolish patriarchy is to abolish the state* yang bermaksud di sini bagi menghapuskan patriarki kita haruslah menghapuskan negara dan sebaliknya. Walaupun terdapat kritikan yang menyatakan bahawa feminisme Anarki adalah serupa dengan feminisme Radikal namun ianya tidak dapat disangkal bahawa anarki lebih bersifat revolusioner kerana mereka percaya tidak kira sama ada negara itu bersifat patriarki atau matriarki sekalipun, negara akan tetap menjadi sesuatu institusi yang tidak absah (Humm, 1989).

4.2 Konsep Gender

Ianya adalah signifikan untuk mengetahui perbezaan di antara gender dan seks. Seks dianggap sebagai sesuatu yang semula jadi dan tidak boleh berubah. Manakala identiti gender pula merupakan satu lagi komponen utama keperempuanan serta kejantanan (Lorber dan Farrell, 1991). Dalam erti kata lain, seks biologikal termasuk dalam sifat fizikal seperti kromosom, hormon seks dan seangkatan dengannya yang digunakan untuk mengenal pasti individu sebagai lelaki atau perempuan sewaktu kelahiran. Namun, gender merupakan sesuatu konsep yang lebih rumit dimana ia merupakan *interrelationship* yang kompleks di antara ciri-ciri fizikal itu tadi dengan perasaan diri seseorang sebagai seorang lelaki, wanita atau kedua-duanya sekali serta tingkah laku seseorang yang berkaitan dengan persepsi tersebut (Gender Spectrum). Menurut World Health Organization:

“Gender refers to the socially constructed characteristics of women and men – such as norms, roles and relationships of and between groups of women and men. It varies from society to society and can be changed. While most people are born either male or female, they are taught appropriate norms and behaviours – including how they should interact with others of the same or opposite sex within households, communities and work places.”

Ketidaksamarataan gender merupakan penghalang utama dalam pembangunan manusia. Golongan wanita mahupun kanak-kanak atau dewasa telah mencapai pelbagai kemajuan sejak 1990, namun sehingga kini masih lagi belum memperoleh ekuiti jantina. Kekurangan yang dihadapi oleh wanita kekal menjadi punca ketidaksamarataan. Seringkali wanita didiskriminasi dari aspek kesihatan, pendidikan, perwakilan politik, pasaran buruh dan sebagainya yang membawa kepada akibat negatif terhadap pembangunan wanita dari segi kemampuan dan kebebasan untuk memilih mereka (UNDP). Wanita sering diingatkan tentang ketidaksamaan gender dan penyalahgunaan kuasa. Apabila hidup di dalam sesuatu budaya di mana gender tidak diperlakukan secara sama rata, wanita berisiko untuk menghadapi penganiayaan dan diskriminasi di tempat kerja mahupun dalam hubungan peribadi mereka (Lambert, 2018).

United Nations turut memainkan peranan dalam memastikan matlamat kesamarataan gender dapat dicapai pada tahun 2030. Buktinya dapat dilihat melalui *Goal 5* di dalam *Sustainable Development Goals* (SDG) yang bermatlamatkan *Gender Equality*. Menurut UNDP lagi,

“Ending all forms of discrimination against women and girls is not only a basic human right, but it also crucial to accelerating sustainable development. It has been proven time and again, that empowering women and girls have a multiplier effect, and helps drive up economic growth and development across the board.”

Antara matlamat yang ingin dicapai adalah untuk menberhentikan segala bentuk diskriminasi terhadap wanita dan kanak-kanak perempuan di seluruh dunia, menamatkan segala bentuk keganasan terhadap wanita di dalam sfera awam dan peribadi, termasuklah penyeludupan dan eksploitasi wanita (UNDP). Kesamarataan gender dilihat memainkan peranan penting di dalam memastikan wanita mampu mencapai kemajuan di dalam semua aspek termasuklah sosial, ekonomi, pendidikan dan politik.

5. Dapatan dan Perbincangan

Hasil daripada penulisan ini telah membuka ruang kepada beberapa dapatan kajian. Pertama dan yang dilihat paling signifikan adalah pendidikan di Pakistan pada hari ini. Data yang didapati daripada kerajaan wilayah Pakistan, jika dibandingkan terdapat perbezaan di antara wilayah-wilayah di Pakistan dengan data kerajaan menunjukkan lebih banyak perempuan yang mendaftar daripada lelaki di beberapa kawasan. Sebagai contoh, bandar kedua terbesar di Pakistan, Lahore, mempunyai lebih ramai perempuan daripada lelaki yang mendaftar di sekolah rendah dan sekolah menengah dan satu lagi bandar di wilayah Punjab, Sialkot, menunjukkan trend yang sama. Data pendaftaran bagi wilayah Punjab dan Khyber Pakhtunkhwa menunjukkan peningkatan sejak tahun 2013. Namun begitu, data bagi pendaftaran pelajar perempuan di wilayah Sindh dan Balochistan menunjukkan penurunan antara 2013 dan 2017 (Shuja, 2018). Walau bagaimanapun, ini bukanlah apa yang

diperhatikan, walaupun terdapat sedikit sebanyak peningkatan kemasukan pelajar perempuan ke sekolah di beberapa wilayah di Pakistan, namun di peringkat nasionalnya, berdasarkan data kerajaan pada tahun 2017, jurang antara bilangan lelaki dan perempuan dalam pendidikan adalah sekitar 10% yang berumur 9 hingga 12 tahun (Shuja, 2018) dan apa yang hendak ditekankan adalah angka-angka yang dilihat ini hampir tidak berubah sejak tahun 2013.

Dapatan kajian telah menunjukkan walaupun Malala telah bangun semula selepas jatuh ditembak oleh Taliban dan berjuang untuk mencapai hak pendidikan bagi wanita, masalah yang dihadapi oleh Malala pada asalnya yang membawa beliau kepada perjuangan beliau di Swat masih wujud di Pakistan hingga kini. Sebagai contoh, serangan terhadap sekolah dan universiti masih lagi dijalankan oleh golongan Taliban di Pakistan. Pada 20 Januari 2016, hanya 3 tahun yang lalu, Universiti Bacha Khan telah diserang oleh mereka yang membawa kepada kematian 19 orang (BBC News, 2016). Selain itu, *Army Public School* di Peshawar turut diserang pada 16 Disember 2016 yang telah membawa kepada kematian 135 pelajar. Inilah yang cuba disampaikan walaupun terdapat sedikit sebanyak perubahan dari segi kemasukan kanak-kanak perempuan di sekolah, namun begitu, hak pelajar perempuan dan lelaki keduanya untuk mendapat pendidikan masih lagi dinafikan oleh Taliban dan ini membawa kepada persoalan apakah perbezaannya dengan kondisi Malala suatu ketika dahulu, pada 11 tahun yang lalu? Sebuah artikel yang dikeluarkan oleh Human Rights Watch (2017) telah menunjukkan bahawa menurut *Global Terrorism Database* dari tahun 2007 hingga 2015, terdapat 867 serangan telah dijalankan ke atas institusi pendidikan sekali lagi menunjukkan bahawa Pakistan pada hari ini masih lagi Pakistan yang sama suatu ketika dahulu yang cuba ditentangi oleh Malala yang berumur 11 tahun. Perjuangan Malala dilihat tidak memberi kesan begitu dalam ke atas kondisi hak pendidikan di Pakistan itu sendiri, walaupun kita tidak menafikan bahawa *Malala Fund* di bawah Malala telah banyak membantu dengan pembinaan sekolah-sekolah seperti membuka sekolah pelarian Syria di Lebanon. Pada Mac 2018, sekolah kanak-kanak perempuan pertama di Shangla, Pakistan dibuka dengan sokongan daripada *Malala Fund*. Manakala di Afghanistan pula, mereka membantu merekrut guru wanita dan menghapuskan diskriminasi jantina dan melalui wang *World Children Prize* beliau, beliau telah menderma sebanyak USD50,000 untuk bantu membina semula 65 buah sekolah di Gaza (The Telegraph). Secara tuntas, usaha-usaha Malala sama sekali tidak seharusnya dipandang rendah, namun dapatan kajian menunjukkan bahawa statistik menyaksikan Pakistan secara nasional masih lagi menghadapi masalah dengan isu kesamarataan jantina dan hak kanak-kanak perempuan untuk ke sekolah. Solusi kepada dapatan kajian ini akan diperlihatkan di dalam subtopik rumusan dan cadangan.

Seterusnya, dapatan kajian kedua menganalisis pemikiran dan perbuatan Malala dan mengklasifikasikan beliau di dalam salah satu bentuk pendekatan feminisme. Disebabkan teori feminisme merupakan satu teori yang membentuk kerangka konseptual kajian ini, ianya dilihat signifikan untuk menganalisis bentuk pendekatan feminisme yang manakah yang Malala berada di dalam. Hasil daripada pembacaan buku tulisan Malala, *I am Malala*, buku tulisan ayahnya, *Let Her Fly* dan kelakuan Malala seperti yang dinaratifkan oleh penulis luar, pengkaji mendapati bahawa Malala duduk di dalam lingkungan feminisme liberal. Feminis liberal mempercayai bahawa gender merupakan punca utama perpecahbelahan masyarakat. Bagi mereka, gender merupakan sesuatu isu pembinaan sosial (*social construct*). Sebagai contoh, peranan suri rumah. Perkara sebegini boleh diubah demi mewujudkan sebuah masyarakat yang sama rata. Pendekatan ini juga percaya bahawa penindasan wanita berakar daripada diskriminasi undang-undang dan institusi yang menafikan kewibawaan dan kebebasan wanita. Ianya boleh dikatakan bahawa Malala sedar bahawa wanita banyak didiskriminasi oleh undang-undang. Oleh yang demikian, tingkah laku Malala banyak

menggambarkan usaha beliau untuk memastikan perubahan dasar dan budaya yang diperlukan untuk golongan wanita bagi mencapai hak asasi mereka. Sebagai contoh, *Girl Declaration* merupakan panggilan untuk suara kanak-kanak perempuan tidak kira di mana untuk didengar. Pengisytiharan ini diwujudkan dengan kerjasama 25 organisasi pembangunan dan hasil daripada perundingan dengan lebih daripada 500 kanak-kanak perempuan di 14 negara, di empat benua (Girl Effect, 2016) dan deklarasinya ini menyedari bahawa perubahan dasar merupakan sesuatu perkara yang penting dalam memastikan kesamarataan gender dan bagi mencapai hak asasi golongan wanita.

Selain itu, antara satu perkara yang menjustifikasi kedudukan Malala di dalam lensa feminis liberal adalah advokasi *Malala Fund* itu sendiri. Memetik dari laman web *Malala Fund*;

“We advocate — at local, national and international levels — for resources and policy changes needed to give all girls a secondary education”

(Malala Fund)

Kenyataan ini yang menekankan perubahan polisi atau dasar untuk mewujudkan kesamarataan gender jelas menunjukkan bahawa Malala memegang kepada pendekatan feminisme liberal kerana mereka lebih tertumpu kepada penyelesaian yang lebih logik dan sah seperti melalui perubahan undang-undang dan institusi. Di samping itu, satu justifikasi yang lain yang menunjukkan bahawa Malala wajar diklasifikasikan sebagai feminis liberal adalah kerana beliau mengadvokasi bagi wanita sebagai pembentuk damai dan menurutnya politik feminisme tidak seharusnya didorong oleh kebencian atau dendam. Malala tidak pernah menunjukkan keganasan sebagai penyelesaian atau mengadvokasi sifat membalas dendam terhadap mereka yang cuba membunuhnya. *“I do not even hate the Talib who shot me,”* katanya di dalam Perhimpunan Agung PBB pada tahun 2013 (Bianco, 2014). Justeru, dari sini kita dapat melihat feminisme liberal adalah pendekatan yang paling sesuai jika dibandingkan dengan feminisme radikal, anarki dan Marxisme yang lebih bersifat ganas dan menghancurkan. Feminisme radikal yang mempercayai ketuanan lelaki harus dihapuskan dalam semua konteks sosial dan ekonomi. Feminisme anarki yang percaya bahawa negara harus dihapuskan dan tidak seharusnya wujud kerana negara secara semula jadinya bersifat patriarki dan feminisme Marxisme yang hendak menghancurkan sebarang bentuk kapitalisme kerana ianya dilihat akar kepada masalah diskriminasi wanita. Manakala, feminisme liberal merupakan sebuah pendekatan yang lebih moderat dan bukanlah diasaskan dengan sifat benci, negatif dan menghancurkan akan tetapi sebaliknya. Feminisme liberal dilihat mendukung sifat positif seperti melakukan reformasi dari bentuk dasar dan perundangan. Hal yang demikian telah membawa pengkaji kepada dapatan kajian yang kedua yang di mana mengklasifikasikan Malala Yousafzai sebagai seorang feminis liberal.

Dapatan kajian yang ketiga pula mendapati bahawa hanya selepas insiden Malala ditembak, Pakistan dan dunia mengalihkan perhatian dan memberi respon terhadap isu Taliban yang memegang ideologi yang cukup ekstrem termasuklah menafikan hak wanita untuk berpendidikan sehingga mengarahkan sekolah-sekolah perempuan supaya ditutup dan isu kedudukan wanita di Pakistan di mana isu kahwin di usia muda merupakan satu norma dalam kalangan masyarakat. Isu-isu ini terutama sekali isu kedudukan wanita di Pakistan telah wujud sejak awal pembentukan Pakistan, seperti yang diajukan di dalam subtopik pengenalan yang menyatakan secara sejarahnya, peranan asas wanita Islam terutamanya, di India sebelum India berpecah adalah untuk menjadi ibu dan suri rumah. Perempuan yang beragama Islam tidak digalakkan untuk mendapat pendidikan kerana pendidikan formal disyaki memberat dan cenderung kepada aliran barat dan berbau kolonial malahan ianya menjadi satu faktor yang membawa Malala kepada perjuangannya. Disebabkan isu ini tidak

pernah diselesaikanlah wujud kajian ini. Apa yang diperhatikan adalah, isu kedudukan wanita tidak pernah benar-benar dititikberatkan oleh Pakistan dan dunia luar dan ianya dapat dijustifikasikan dengan fakta bahawa isu kedudukan wanita ini telah wujud sejak sebelum India berpisah dengan Pakistan hinggalah ke awal pembentukan Pakistan dan sekiranya tidak lagi wujud permasalahan ini, maka tidak akan wujudlah kebangkitan Malala pada tahun 2008.

Walaupun sebelum beliau ditembak, beliau dikenali oleh media barat seperti CNN yang melakukan dokumentari terhadap kehidupan wanita di bawah Taliban, namun perubahan perhatian yang cukup universal dan signifikan timbul selepas beliau ditembak oleh Taliban. Pakistan dengan segera meluluskan *Right to Education (RTE) bill* 2012 hasil dariapda Petisyen Malala yang dilancarkan oleh Gordon Brown dan Duta Khas PBB untuk Pendidikan Global yang bertujuan untuk menjamin bahawa semua kanak-kanak, berumur antara 5 dan 16, mempunyai akses kepada pendidikan percuma. Ibu bapa yang enggan menghantar anak mereka ke sekolah boleh dipenjarakan di bawah undang-undang baru ini (Harris, 2016). Kerajaan Pakistan yang selama ini dilihat bersifat lembut terhadap Taliban turut bersuara menentang dan mengutuk "ideologi songsang" yang diamalkan oleh pengecut yang telah menyerang Malala. Mian Iftikhar Hussain, Menteri Maklumat di peringkat wilayah mengumumkan ganjaran kerajaan lebih daripada USD100,000 untuk maklumat yang membawa kepada penangkapan penyerangnya. Beliau berkata, "*whoever has done it is not a human and does not have a human soul*" (Walsh, 2012). Bukan sahaja Pakistan namun seluruh dunia mengalih pandangan ke arah Malala dan memandang berat masalah-masalah yang telah lama wujud di Pakistan selepas insiden Malala ditembak oleh Taliban.

Hal ini dianalisis sebagai sifat alamiah manusia yang mengambil lewa sehingga sesuatu perkara yang buruk terjadi. Dengan itu, untuk menjustifikasikan analisis serta pernyataan ini, Revolusi Arab Spring digunakan sebagai sebuah analogi. Ianya dimulakan dengan Mohamed Bouazizi yang telah berdiri di pejabat kerajaan dan membakar dirinya sendiri. Tindakan yang dilakukan oleh beliau yang dianggap sebagai tanda protes dan telah membantu mencetuskan kebangkitan rakyat terhadap kerajaan dan peristiwa ini menjadi salah satu titik tolak kepada bermulanya Arab Spring (History, 2018). Arab Spring turut dikenali sebagai *Twitter Revolution* yang menunjukkan bagaimana maklumat tentang revolusi ini telah dibekalkan melalui laman web rangkaian sosial (Saleem, 2012) yang memainkan peranan penting dalam menyemarakkan lagi revolusi ini kerana ia mewujudkan kesedaran dan perhatian awam dalam skala yang cukup besar. Aspek yang dianalisis sebagai faktor terjadinya Arab Spring ini adalah kerana kehidupan ekonomi rakyat yang tidak diambil peduli dan dalam keadaan yang amat menyedihkan serta kepimpinan diktator yang cukup mencengkam kebebasan rakyat. Revolusi ini dikatakan analogi kepada isu Malala kerana permasalahan ekonomi dan kepimpinan bersifat kuku besi ini telah lama wujud di negara-negara Timur Tengah serta di Tunisia sendiri namun tidak pernah diambil tindakan yang ketara oleh kerajaan mahupun rakyat. Namun, selepas terjadi sesuatu kejadian yang tidak diingini, iaitu kejadian Bouazizi membakar dirinya sendiri barulah ia mendapat perhatian dunia tambahan lagi dengan bantuan sosial media yang diperhatikan sebagai *catalyst* penyebaran maklumat yang telah membuka ruang kepada kebangkitan rakyat di negara lain. Walaupun isu Malala jauh sekali daripada sebuah revolusi, namun sekiranya dilihat daripada aspek yang lain, terdapat persamaan di antara keduanya, iaitu seperti mana masalah ekonomi dan kepimpinan yang teruk wujud setelah sekian lama di negara Tunisia tetapi tidak diambil endah sehinggalah sesuatu kejadian yang buruk terjadi selepas Bouazizi membakar dirinya barulah masalah negara Tunisia dan negara arab yang lain mendapat perhatian dunia begitu lah juga yang terjadi di Pakistan di mana masalah kedudukan wanita yang dilihat sebagai jantina yang kedua, didiskriminasi dan dinafikan hak mereka untuk mendapat pendidikan telah lama wujud di Pakistan tetapi tidak diambil endah dan jika ya, diambil langkah yang

tidak membawa kepada apa-apa kesan yang membasmi masalah ini sehinggalah kejadian yang buruk terjadi selepas Malala ditembak barulah masalah Pakistan mendapat perhatian dunia. Justeru, analogi ini menjustifikasi kenyataan pengkaji di awal perenggan yang menyatakan bahawa ianya adalah sifat alamiah manusia untuk mengambil lewa terhadap isu-isu serius sehingga perkara buruk terjadi seperti mana Bouazizi membakar dirinya di ruang awam dan seperti mana Malala ditembak oleh Taliban sewaktu berada di dalam bas sekolah, di ruang awam.

6. Rumusan dan Cadangan

Sebagai rumusan, kertas ini mengkaji tentang pemeraksanaan wanita melalui pendidikan di Pakistan dengan perjuangan Malala Yousafzai sebagai satu analisis dalam lingkungan kerangka feminisme, gender dan hak asasi manusia. Kertas ini melihat latarbelakang pendidikan di Pakistan, mengenal pasti faktor yang mempengaruhi perjuangan Malala serta menganalisis sejauh mana perjuangan Malala dalam memperjuangkan hak wanita untuk mendapat pendidikan. Malala Yousafzai dipilih kerana bilangan tulisan akademik tentang beliau masih berada di dalam bilangan yang kecil. Hal ini boleh terjadi disebabkan kerana faktor umur beliau yang muda. Namun, faktor umur beliau turut menjadi satu faktor mengapa Malala di pilih sebagai kajian kes tulisan ini. Oleh kerana Malala memulakan perjuangannya seawal usia 11 tahun, ianya telah menarik perhatian pengkaji untuk mengkaji apa faktor yang mendorong perjuangannya, kelantangan serta keberaniannya dalam bersuara kerana ini merupakan sesuatu yang amat jarang sehinggalah ia telah menjadikan Malala penerima anugerah *Nobel Peace Prize* yang termuda.

Kajian ini turut melihat bagaimana pendidikan memainkan peranan yang amat penting dalam membebaskan serta membuka minda manusia namun ia dilihat sebagai suatu perkara yang susah untuk meliberasikan wanita di Pakistan kerana hak mereka untuk mendapat pendidikan dinafikan terutamanya oleh golongan ekstremis Taliban dan sifat kerajaan yang tidak tegas dalam membasmi Taliban. Ianya dilihat semula jadi bagi Malala yang merupakan seorang yang amat cintakan ilmu serta mengikut jejak langkah ayahnya yang merupakan pengasas sebuah sekolah dan seorang aktivis pendidikan untuk memperjuangkan hak berpendidikan dan menentang Taliban yang mengharamkan wanita ke sekolah. Seperti yang ditulis oleh Malala dan Lamb (2013), *“Education is education. We should learn everything and then choose which path to follow. Education is neither Eastern nor Western, it is human.”*

Malala telah banyak membantu dunia termasuklah Syria, Nigeria, Afghanistan, Brazil (Malala Fund) dan banyak lagi dari segi memastikan kanak-kanak perempuan terutamanya, untuk mendapat hak pendidikan, pembinaan sekolah-sekolah, pengambilan cikgu-cikgu wanita semuanya melalui Malala Fund. Namun begitu, dapatan kajian telah menunjukkan bahawa Pakistan masih lagi menghadapi masalah ketidaksamarataan jantina dan masalah hak untuk mendapat pendidikan. Gender Gap Report (2018) menunjukkan Pakistan masih lagi duduk di tangga kedua terakhir dari segi ketidaksamarataan gender, iaitu tangga ke 148 dalam 149 dengan Yemen sebagai negara terakhir. Hal ini membawa kepada perbincangan dengan lebih mendalam di mana, Malala seorang sahaja sebagai seorang individu tidak mampu merealisasikan impian untuk mewujudkan kesamarataan jantina dan untuk memastikan tidak ada hak kanak-kanak untuk mendapatkan pendidikan dinafikan, kerajaan Pakistan sendiri memainkan peranan yang amat penting dan signifikan dalam memastikan impian ini untuk tercapai. Antara cadangan yang diberikan adalah, pertama, reformasi pendidikan secara total. Pakistan sebagai sebuah negara patriarki sejak awal kemerdekaannya sejak 72 tahun yang lalu, dari generasi ke generasi diajar bahawa wanita adalah jantina yang

kedua, tugas wanita hanya adalah untuk menjadi suri rumah dan melahirkan anak, wanita harus berkahwin awal dan pendidikan tidak penting bagi wanita. Hal ini dideduksi sebagai akar kepada masalah ketidaksamarataan jantina di Pakistan. Oleh itu, kerajaan memainkan peranan dalam mereformasi sistem pendidikan di Pakistan dan mengajar kanak-kanak seawal tadika lagi bahawa wanita harus dihormati seperti mana lelaki dihormati dan dipandang tinggi oleh budaya Pakistan serta wanita boleh dan wajib mendapatkan pendidikan kerana dengan pendidikan ia akan mampu meliberasikan wanita dan mereka turut boleh memainkan peranan penting dalam memajukan Pakistan di masa hadapan.

Cadangan kedua, kerajaan turut memainkan peranan yang amat mustahak dalam membanteras golongan Taliban yang bersifat ekstrem dalam agama sehingga menafikan hak untuk mendapatkan pendidikan wanita. Kerajaan Pakistan tidak seharusnya bersifat lembut dan apolagetik terhadap golongan ini kerana kewujudan mereka diperhatikan sebagai salah satu faktor besar mengapa Pakistan mempunyai bilangan gadis tidak bersekolah yang kedua terbesar dari mana-mana negara di dunia ini (Malala Fund) kerana ideologi mereka yang ekstrem yang menolak pendidikan wanita dan ini secara langsung dan tidak langsung memberi kesan kepada pembentukan rasa takut ibu bapa untuk menghantar anak ke sekolah yang membawa kepada pembantutan kemajuan Pakistan sendiri sebagai sebuah negara. Ketiga, pembinaan lebih banyak sekolah turut dilihat sebagai sesuatu perkara yang amat diperlukan kerana menurut Aleena Khan, dari Alif Ailaan iaitu sebuah NGO yang bekerja untuk pendidikan di Pakistan salah satu faktor utama yang menyumbang kepada kejatuhan enrolmen selepas peringkat sekolah rendah ialah kekurangan sekolah di peringkat menengah atau ke atas. Hampir 80% daripada sekolah kerajaan di Pakistan adalah sekolah rendah (Shuja, 2018). Kanak-kanak yang tidak menyambung sekolah menengah bukan kerana mereka tidak mahu akan tetapi kerana kekurangan bilangan sekolah. Oleh itu, kerajaan Pakistan harus mengambil tindakan dengan membina lebih sekolah menengah.

Akhir sekali, hak wanita merupakan sesuatu isu yang kini mendapat tempat yang cukup signifikan di dalam kalangan masyarakat dunia dari pelbagai lapisan. Manakala Malala dilihat sebagai penyokong hak untuk mendapat pendidikan bagi wanita, pendidikan bagi kanak-kanak lelaki turut tidak harus dilupakan. Sebagai seseorang yang menggambarkan dirinya sebagai seorang yang percaya akan kesamarataan gender, Malala dan semua advokat bagi kesamarataan gender haruslah ingat, sementara *women's rights are human rights, male rights are human rights too*. Setiap manusia, lelaki atau perempuan, tua atau muda, Islam atau bukan layak untuk mendapat hak kepada pendidikan. Pengkaji turut berharap bahawa kajian ini boleh dipanjangkan di masa hadapan dan melihat pemerksaan wanita melalui pendidikan di dalam konteks Malaysia pula kerana ianya dilihat merupakan sebuah isu yang bukan sahaja wujud di Pakistan, tetapi di setiap pelosok dunia. Akhir kalam, kertas ini telah merupakan salah satu usaha untuk mengisi kelompongan yang cukup besar di dalam dunia pemerksaan wanita yang dilihat melalui landskap pendidikan dan kertas ini telah meneliti faktor yang telah mendorong Malala Yousafzai untuk berjuang dan sejauh manakah perjuangan Malala Yousafzai setakat ini dengan harapan untuk memberi sumbangan kepada dunia akademik untuk menoleh ke arah masalah kedudukan wanita dalam hak berpendidikan di Pakistan serta membuka laluan untuk melihat masalah ini di dalam negara sedang membangun yang lain.

Rujukan

BBC News. (2016). *Pakistan Attack: Gunmen Kill 19 at Bacha Khan University*. <https://www.bbc.com/news/world-asia-35359072> [12 April 2019].

- Bianco, Marcie. (2014). *8 Ways Malala Has Made the World Better for Women*. <https://mic.com/articles/101072/8-ways-malala-has-made-the-world-better-for-women#.15fUn4sqm> [14 April 2019].
- Burkett, Elinor. (1998). *Women's Movement Political and Social Movement*. <https://www.britannica.com/topic/womens-movement#accordion-article-history> [2 Mei 2018].
- Burnell, Laura & Burkett, Elinor. (2018). *Feminism*. <https://www.britannica.com/topic/feminism> [23 Mei 2018].
- Gender Spectrum. www.genderspectrum.org [2 Mei 2018].
- Girl Effect. (2016). *The Girl Declaration: Making Girls Heard by the World*. <https://www.girleffect.org/stories/girl-declaration-making-girls-heard-world/> [13 April 2019].
- Hafizullah Emadi. (1991). *State, Modernization and the Women's Movement in Afghanistan*. Vol 23, Issue 3-4, 1991.
- Harris, Alexis. (2016). *Top 3 Ways Malala Has Changed the World*. <https://plan-uk.org/blogs/thanks-to-malala> [13 April 2019].
- History. (2018). *Arab Spring*. <https://www.history.com/topics/middle-east/arab-spring> [14 April 2019].
- Human Rights Watch. (2017). *Pakistan: Attacks on Schools Devastate Education*. <https://www.hrw.org/news/2017/03/27/pakistan-attacks-schools-devastate-education> [13 April 2019].
- Humm, Maggie. (1989). *The Dictionary of Feminist Theory*. Great Britain: BPC Wheatons Ltd.
- Ivy Singh. *Feminism: Various Approaches and Its Value*. https://biblicalstudies.org.uk/pdf/ijt/37-1_058.pdf [23 Mei 2018].
- Karin Mittmann & Zafar Ihsan. (1991). *Culture Shock! Pakistan*. New Industrial Road, Singapore: Times Edition Pte Ltd.
- Kavita Sethuraman, Lansdown, Richard & Sullivan, Keith. (2006). *Women's empowerment and domestic violence: The role of sociocultural determinants in maternal and child undernutrition in tribal and rural communities in South India*. Journal Sage Publications Vol 27, Issue 2, 2006.
- Kytha Kurin. (1980). *Anarcha-feminism*. <https://theanarchistlibrary.org/library/kytha-kurin-anarcha-feminism> [23 Mei 2018].
- Lambert, Carol A. (2018). *Gender Inequality*. <https://www.psychologytoday.com/us/blog/mind-games/201801/gender-inequality> [2 Mei 2018].
- Lorber, Judith & Farrell, Susan A. (1991). *The Social Construction of Gender*. California, USA: SAGE Publications, Inc.
- Malala Fund. <https://www.malala.org/about> [13 April 2019].
- Malala Yousafzai & Christina Lamb. (2013). *I am Malala*. New York, USA: Little, Brown and Company.
- Nasra M. Shah. *Pakistani Women: A Socioeconomic and Demographic Profile*. (1986). Islamabad, Pakistan: Pakistan Institute of Development Economics.
- Saleem Kaim. (2012). *Twitter Revolution: How the Arab Spring was Helped By Social Media*. <https://mic.com/articles/10642/twitter-revolution-how-the-arab-spring-was-helped-by-social-media#.0fEopwR36> [14 April 2019].
- Shuja. Malik. (2018). *Pakistan Election: Are More Girls Going to School?* <https://www.bbc.com/news/world-44717345> [12 April 2019].

- Tanenbaum, Julia. (2016). *To Destroy Domination in All Its Forms: Anarcha-Feminist Theory, Organization and Action 1970-1978*. <https://anarchiststudies.org/2016/10/26/to-destroy-domination-in-all-its-forms-anarcha-feminist-theory-organization-and-action-1970-1978-by-julia-tanenbaum/> [24 Mei 2018].
- The Telegraph. *Malala Yousafzai: Timeline of the Pakistani Campaigner's Life*. <https://www.telegraph.co.uk/film/he-named-me-malala/malala-yousafzai-timeline/> [13 April 2019].
- UNFPA. (1994). *Issue 7: Women Empowerment*. <https://www.unfpa.org/resources/issue-7-women-empowerment> [21 Mei 2018].
- United Nations Development Programme (UNDP). *Gender Inequality Index*. <http://hdr.undp.org/en/content/gender-inequality-index-gii> [2 Mei 2018].
- United Nations Development Programme (UNDP). *Sustainable Development Goals*. <http://www.undp.org/content/undp/en/home/sustainable-development-goals/goal-4-quality-education/targets/> [21 Mei 2018].
- Walsh, Declan. (2012). *Pakistanis Unite in Outrage Over Girl's Shooting by Taliban*. <https://www.nytimes.com/2012/10/11/world/asia/pakistan-erupts-in-anger-over-talibans-shooting-of-malala-yousafzai.html> [13 April 2019].